

08/10/1999

Shahnon gembira kritik PM

LANGKAWI, Khamis - Penulis novel, Datuk Prof Shahnon Ahmad mendakwa beliau gembira kerana dapat mengkritik kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi novelnya, Shit.

Bercakap pada ceramah anjuran Pas di Bukit Kemboja di sini, malam tadi, Shahnon berkata beliau adalah orang paling berjaya apabila Dr Mahathir marah dengan penulisan novel yang mencetuskan kemarahan pelbagai pihak berikutan penggunaan bahasa lucah.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak perlu meminta maaf kepada Perdana Menteri kerana beliau bukan mengkritik Dr Mahathir tetapi cuma mempersoal kepemimpinannya.

(END)